



**HASSAN MOHD. NOOR** (tiga dari kanan) menyampaikan replika tajaan 1,000 akaun e-paper *Utusan Malaysia* kepada Mohd. Roslan Sulaiman (empat dari kiri) di Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

# UPM terima 1,000 akaun e-paper

**KUALA LUMPUR 3 Mei** - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima sebanyak 1,000 akaun akhbar digital, e-paper *Utusan Malaysia* secara percuma sempena program 'Malaysia Kita' yang berlangsung di Muzium Warisan Melayu UPM, Serdang dekat sini semalam.

Dengan slogan 'Meneguhkan Jati Diri dan Patriotisme', program tersebut adalah untuk menggalakkan generasi muda membaca akhbar *Utusan Malaysia* dalam platform digital iaitu akhbar digital dan *Utusan Online*.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Fahmi Azar Mistar berkata, usaha tersebut dapat membantu para pelajar menerima berita yang benar dan tepat selain menggalakkan mereka membaca di mana sahaja berada dengan menggunakan gajet peribadi seperti telefon pintar.

Malah katanya, ruangan khas yang disediakan tersebut memberi peluang kepada wakil pelajar untuk menulis dan menyumbang idea.

"UPM akan meneruskan tiga inisiatif ini dan berharap 1,000 akaun akhbar digital yang disumbangkan oleh Kumpulan Utusan dapat memberi manfaat kepada mahasiswa UPM,"

katanya ketika berucap dalam majlis penyerahan akaun akhbar digital tersebut.

Penyerahan dilakukan oleh Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman.

Hadir sama Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan Utusan, Jamal Ahmed dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPM, Aida Fitri Peli.

Sementara itu, Aida Fitri berkata, program Malaysia Kita yang dikendalikan oleh Kumpulan Utusan memberi peluang kepada pelajar UPM untuk menyuarakan pendapat mereka menerusi akhbar dalam talian dan cetakan *Utusan Malaysia*.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Utusan kerana membolehkan mahasiswa di UPM mengakses akhbar digital ini untuk menambah wawasan dan pengetahuan."

"Program ini juga menyediakan platform kepada UPM untuk berkongsi aktiviti dan disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*," katanya.